



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.9 / (24)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

**30** April 2018

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

**YBhg. Datuk /Dato' /Tuan /Puan,**

---

**SURAT PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
BIL 3 TAHUN 2018**

---

**KEWAJIPAN MENGEMUKAKAN SALINAN JADUAL PETAK**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini prosedur pembayaran bagi kerja ukur hakmilik strata adalah berdasarkan kepada prosedur pembayaran di bawah para 3, Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016. Melalui pekeling ini, Juruukur Tanah Berlesen (JTB) boleh menuntut bayaran 10% daripada bayaran upah ukur setelah membuat pertaruhan bayaran upah ukur dan menghantar Borang LJT 700 berserta dokumen pelantikan.

3. Seterusnya, bayaran kemajuan 10% berikutnya boleh dilakukan oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) selepas JTB mengemukakan Borang LJT 702 beserta bukti penerimaan pemfailan SIFUS dan Jadual Petak daripada Pesuruhjaya Bangunan (COB). Memandangkan kerja-kerja ukur hakmilik strata melibatkan jumlah petak dan petak aksesori yang banyak, maka bagi membolehkan

LJT membuat semakan yang lebih cepat, tepat dan teratur, JTB adalah dengan ini diwajibkan juga melampirkan salinan jadual petak berserta dengan surat pengesahan penerimaan pemfailan SIFUS dan Jadual Petak daripada COB semasa mengemukakan Borang LJT 702 atau LJT 704 sekiranya tuntutan 10% kedua tidak dibuat melalui Borang LJT 702.

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Dengan Arahan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia.



**(SR ISMAIL BIN HARUN)**

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

Salinan Kepada :

**Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia**

**Presiden**

Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia  
(PEJUTA)